

SK CATHOLIC ENGLISH (M) KUCHING
PENDIDIKAN MORAL
TAHUN 4

PdPR Minggu 24
Khamis 29^{hb} Julai 2021

UNIT 11 KERAJINAN
Kerajinan Asas Kesejahteraan

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

 **Hayati keratan akhbar.**

KUALA TERENGGANU, 18 Ogos – Jalan Permata Indah terkenal kerana produk berasaskan pisang. Jiran di sini juga terkenal dengan sikap rajin kerana mereka menyumbang tenaga dan masa untuk menghasilkan pelbagai produk baharu tanpa jemu.

Salah satu produk yang sangat terkenal ialah popia pisang. Semua jiran gigih berusaha dan berdedikasi bagi menghasilkan produk ini. Kaum lelaki menanam pokok pisang di kawasan kejiranan manakala kaum wanita menyediakan dan menggoreng popia pisang. Kanak-kanak pula membantu kaum wanita meletakkan perisa coklat pada popia pisang.

Hasil daripada usaha yang berterusan telah membuka peluang pekerjaan kepada banyak jiran menerusi pembinaan kilang pemprosesan popia pisang. Mereka bersungguh-sungguh menjaga kualiti dan kesegaran pisang agar popia pisang yang dihasilkan sedap.

Semua jiran berasa gembira kerana sikap rajin yang diamalkan membawa kesejahteraan kepada kehidupan mereka.

(Sumber: Diubah suai daripada *My Metro*, 4 Februari 2019)



- ◆ Bagaimanakah jiran di Jalan Permata Indah mengamalkan sikap rajin?
- ◆ Semut merupakan binatang yang rajin. Apakah sifat rajin semut yang boleh kita praktikkan dalam kehidupan berjiran? 🐜

- NOTA GURU**
- Minta murid mencari berita tentang aktiviti atau program yang berkaitan dengan sikap rajin dalam kawasan kejiranan.
 - Bentangkan hasil dapatan.

Isi tempat kosong berdasarkan petikan pada buku teks muka surat 96.

Bagaimanakah jiran di Jalan Permata Indah mengamalkan sikap rajin?

1. _____ tenaga dan masa untuk _____ pelbagai produk baharu tanpa jemu.
2. Gigih _____ dan _____ bagi menghasilkan produk Popia Pisang.
3. Kaum lelaki _____ pokok pisang di _____ kejiranan.
4. Kaum wanita _____ dan _____ popia pisang.
5. Kanak-kanak _____ kaum wanita _____ perisa coklat pada popia pisang.